



**TEKS**

**KHUTBAH**

**NEGERI PAHANG**

**SIRI 09/2024**



# MAULIDUR RASUL 1446H

13 SEPTEMBER 2024 | 02 RABIULAWAL 1446H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ  
 أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.  
 أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita akan mendapat kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Ta'ala,**

Kita sedang berada dalam bulan RabiulAwal. Bulan yang telah mencatatkan peristiwa penting dalam sejarah Islam iaitu bulan kelahiran Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam. Kita amat beruntung dan sewajarnya bersyukur kerana terpilih menjadi umat Nabi Muhammad Sallallahu 'Alaihi Wasallam.



Memperingati hari kelahiran Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dengan mengadakan pelbagai aktiviti sambutan adalah merupakan satu cara bagi menzahirkan rasa kasih sayang kita kepada Baginda. Allah Ta’ala memerintahkan kita supaya mentaati dan mencintai Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam melalui firman-Nya dalam Surah Ali Imran ayat 31:

قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ

**Yang bermaksud:** *"Katakanlah: Jika kamu (benar-benar) mencintai Allah, ikutilah Aku, nescaya Allah mengasihi dan mengampuni dosa-dosamu. Dan Allah Maha Pengampun lagi Maha Penyayang."*

Tidak akan sempurna iman seseorang itu sehinggalah kecintaannya kepada Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam melebihi cintanya kepada sesuatu yang lain. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Muslim

لَا يُؤْمِنُ أَحَدُكُمْ حَتَّىٰ أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْهِ مِنْ وَلَدِهِ وَوَالِدِهِ وَالنَّاسِ أَجْمَعِينَ

**Yang bermaksud:** *"Tidaklah (sempurna) iman seseorang daripada kamu sehingga aku lebih dicintainya berbanding anaknya, bapanya dan manusia seluruhnya".*

### **Sidang Jumaat yang dikasihi Allah Ta’ala,**

Ungkapan cinta sahaja tidak memadai untuk menunjukkan rasa cinta kepada Baginda. Malah seseorang itu mestilah memiliki sifat *al-hub wa al-ittiba’* iaitu mencintai dan mengikuti ajaran Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Seorang muslim yang mencintai Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam mestilah mengikuti sunnah yang ditinggalkan oleh Baginda. Adapun jika hanya



sekadar mengikuti tetapi tidak mencintainya pula, samalah seperti orang munafiq yang berlegar-legar di sekeliling Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Mereka sering mengikuti Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam ke sana dan ke sini dan melakukan beberapa sunnah yang diajari Nabi, Namun sebenarnya di dalam hati mereka tidak pernah mencintai Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam malah mempunyai niat buruk kepada Baginda.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Ta’ala,**

Cinta dan kasih kepada Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam hendaklah dibuktikan dengan amalan, antaranya ialah:

#### **1. Mengenalinya Rasulullah Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam**

Bak kata pepatah Melayu “tak kenal, maka tak cinta”, justeru kenalilah Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dengan lebih mendalam melalui kitab-kitab sirah, ceramah, kuliah dan lain-lain sumber yang boleh didapati. Dengan menghayati kisah hidup dan perjuangan Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam pasti akan menerbitkan rasa cinta dan melahirkan rasa seronok untuk mengamalkan sunnah yang diajar oleh Baginda.

#### **2. Memperbanyakkan berselawat kepada Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam**

Seseorang yang mencintai sesuatu, sudah tentu akan sentiasa mengingati dan menyebutnya. Pepatah Arab ada menyatakan:

مَنْ أَحَبَّ شَيْئًا أَكْثَرَ مِنْ ذِكْرِهِ وَمَنْ أَكْثَرَ مِنْ ذِكْرِ شَيْءٍ أَحَبَّهُ



**Yang bermaksud:** *“Barang siapa mencintai sesuatu, dia akan selalu menyebutnya. Dan barangsiapa yang sering menyebut sesuatu maka dia mencintainya.”*

Allah Ta’ala memerintahkan kita agar berselawat kepada Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam melalui firman-Nya dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

**Yang bermaksud:** *“Sesungguhnya Allah dan para malaikat-Nya berselawat kepada Nabi (Muhammad). Wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu dan ucapkanlah salam penghormatan kepadanya.”*

### 3. Mengamalkan Sunnahnya

Hendaklah kita mencuba sedaya upaya untuk mengamalkan segala sunnah Baginda sama ada perkataan mahupun perbuatan. Contohilah cara Baginda bercakap, berjalan, makan, minum, bergurau, berpakaian, berniaga, berjiran, bermasyarakat, berumahtangga, bernegara dan sebagainya. Sesungguhnya Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam adalah suri teladan kepada umatnya. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Ahzab ayat 21:

لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۗ

**Yang bermaksud:** *“Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharap (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah sebanyak-banyaknya (dalam masa susah dan senang).”*



4. Mentaati dan mematuhi ajaran Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Mentaati Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dengan mengamalkan ajaran yang disampaikan adalah bermakna mentaati Allah Ta’ala. Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

مَنْ أَطَاعَنِي فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ عَصَانِي فَقَدْ عَصَى اللَّهَ

**Yang bermaksud:** *“Sesiapa yang taat kepadaku sesungguhnya ia telah taat kepada Allah. Dan sesiapa yang derhaka kepadaku sesungguhnya ia telah derhaka kepada Allah”.*

5. Berharap dapat melihat dan berjumpa dengan Rasulullah.

Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam bersabda melalui melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

**Yang bermaksud:** *“Di antara umatku yang paling mencintaiku adalah orang yang hidup selepasku, ada di antara mereka sangat ingin melihatku walaupun terpaksa menebus dengan keluarga dan hartanya.”*

**Sidang Jumaat yang dimulakan Allah Ta’ala,**

Kesimpulannya, bersempena dengan sambutan Maulidur Rasul 1446H pada tahun ini marilah kita berazam untuk lebih mengenali dan mencintai Rasulullah Nabi Sallallahu ‘Alaihi Wasallam, berusaha mengamalkan akhlak dan sunnahnya dalam segenap aspek kehidupan, mentaati dan mematuhi segala ajaran Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam serta memperbanyakkan berselawat kepada Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam. Firman Allah Subhanahu wa-Ta’ala dalam surah al-Nisa’ ayat 80:



أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

مَنْ يُطِيعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ وَمَنْ تَوَلَّى فَمَا أَرْسَلْنَاكَ عَلَيْهِمْ حَفِيظًا

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
 الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
 الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
 الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
 الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.